

16/07/1998

Ketua kampung wajar anggotai terus JKKK, Japerun

MELAKA, Rabu - Persatuan Ketua Kampung (Sidang) Melaka mencadangkan kerajaan negeri melantik ketua kampung secara automatik menyertai Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta Jawatankuasa Penyelaras dan Pembangunan Dewan Undangan Negeri (Japerun).

Ini berikutan, sebilangan ketua kampung diketepikan wakil rakyat ketika mengemukakan cadangan serta sokongan dalam pelantikan ahli JKKK serta Japerun.

Yang Dipertua Persatuan Ketua Kampung (Sidang) Melaka, Zainudin Abdul Samad, berkata ini menyebabkan ketua kampung terbabit tidak dapat mengikuti perkembangan semasa, termasuk projek pembangunan serta keputusan yang dicapai dalam sesuatu mesyuarat.

Katanya, keadaan ini bercanggah dengan tauliah sebagai ketua kampung yang mempunyai tugas menyeluruh membabitkan adat, keselamatan, ekonomi, pendidikan, kebajikan, pembangunan, hartanah, sosial, pentadbiran dan agama.

Berikutan itu, katanya, mesyuarat persatuan berkenaan pada 29 Julai ini akan mengemukakan usul kepada kerajaan negeri untuk melantik ketua kampung secara automatik menduduki JKKK serta Japerun.

"Kerajaan Negeri akan dicadang mewujudkan jawatan Naib Pengerusi JKKK untuk disandang secara bergilir oleh ketua kampung dalam sesuatu kawasan sebagaimana jawatan pengerusi JKKK selama ini bergilir di antara pemimpin masyarakat," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Menurutnya, ketua kampung juga perlu dilantik menganggotai Japerun supaya dapat menerima serta menyampaikan maklumat di antara jabatan serta agensi kerajaan dengan masyarakat kampung.

Katanya, perlantikan itu selaras dengan pekeliling Pejabat Daerah yang menyatakan bahawa ketua kampung yang menghadiri mesyuarat Japerun layak menerima bayaran elaun RM5.

Zainudin juga berkata, mesyuarat persatuan itu akan turut mencadangkan kerajaan negeri memberi ketua kampung kad kuasa yang boleh digunakan untuk menahan pendatang tanpa izin, penagih dan mereka yang bersekedudukan.

"Ketua kampung menghadapi masalah untuk menahan mereka kerana tiada kad kuasa dan terpaksa meminta bantuan pihak berkuasa lain yang kadangkala kekurangan anggota," katanya.

Menurutnya, kad kuasa itu amat diperlukan kerana kebanyakan kampung sekarang berhampiran dengan kawasan perindustrian serta pembangunan yang menimbulkan pelbagai masalah sosial, termasuk berkhalwat dan penyalahgunaan dadah.

Beliau juga berkata, mesyuarat persatuan akan turut mengemukakan usul menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin dalam menangani kemelesetan ekonomi sekarang.

Katanya, mesyuarat persatuan itu yang dirancang diadakan di Golden Valley Resort, Bemban akan dirasmikan oleh Abu Zahar pada kira-kira jam 3 petang.

(END)